

## **Laporan Mobiliti Tahunan SIRVA Ketengahkan Cara Selaraskan Penempatan Semula Kakitangan Demi Pertumbuhan Perniagaan**

*Dapatan Pertama Seumpamanya Berikan Saranan dan Item Tindakan Tangani Cabaran Program Mobiliti Bakat*

OAKBROOK TERRACE, Illinois, 9 Oktober 2017 /PRNewswire/ -- SIRVA Inc., penyedia perkhidmatan mobiliti terkemuka global yang menyediakan penyelesaian penempatan semula dan pemindahan bersepadu untuk syarikat-syarikat multinasional, kerajaan dan juga pengguna, melancarkan laporan mobiliti tahunannya, yang menumpu pada cabaran dan peluang yang dikaitkan dengan peningkatan keperluan serta kelaziman untuk menyelaraskan pertumbuhan organisasi serta strategi bakat menerusi mobiliti.

Laporan SIRVA, "[Mobiliti Bakat demi Pertumbuhan Perniagaan – Selaraskan Amalan Pacu Impak Organisasi \(Talent Mobility for Business Growth – Aligning Practices to Drive Organizational Impact\)](#)", memperincikan segmen-segmen utama bagi salah jajaran program yang mengehadkan keberkesanan mobiliti dalam usaha memudahkan pertumbuhan organisasi dan objektif bakat. Laporan ini menawarkan pemahaman dan pemerhatian tentang topik-topik seperti keperluan sumber, peningkatan teknologi dan pengubah industri mobiliti, serta menekankan model-model penyerahan berbanding dasar sebagai cara untuk menyokong keutamaan organisasi dan pekerja yang ditempatkan semula.

Evolusi mobiliti bakat sebagai pendorong strategik terhadap inisiatif pertumbuhan organisasi mewujudkan permintaan untuk mereka bentuk dan melaksanakan program mobiliti yang dapat menangani segmen tumpuan penting dalam organisasi melalui sokongan dasar dan model penyerahan perkhidmatan. Laporan ini menyediakan data dan pemahaman tentang pelaksanaan program mobiliti daripada 143 peserta yang mewakili 134 organisasi unik dari seluruh dunia dalam pelbagai industri.

"Para eksekutif dan pemimpin yang terlibat dalam proses penempatan semula memerlukan maklumat yang boleh diambil tindakan tentang sejauh mana fungsi mobiliti membolehkan organisasi mereka bersaing dengan cabaran masa kini selain membuka peluang-peluang," kata Taryn Kramer, Naib Presiden, Perundingan Global untuk Penempatan Semula & Pemindahan Seluruh Dunia SIRVA. "Pemahaman yang disediakan adalah jauh lebih baik berbanding laporan industri lain dengan menyediakan saranan penambahbaikan dan item tindakan selain data kualitatif berkaitan penyelarasan program. Laporan SIRVA memperincikan tentang peluang-peluang penting dari segi cara untuk menyokong mobiliti menerusi cara perundingan, anjal dan juga proaktif selain menekankan cabaran-cabaran dan juga penyelesaian berpotensi."

### **Latar Belakang SIRVA Inc.**

SIRVA menyediakan penyelesaian penempatan semula dan pemindahan tersuai yang dapat memenuhi keperluan pelanggan dan kakitangan mereka dengan kualitinya yang tertinggi dan cara yang paling cekap – di mana-mana mereka menjalankan perniagaan. Dengan menawarkan portfolio perkhidmatan mobiliti yang luas di 170 negara, SIRVA menyediakan penyelesaian hujung-ke-hujung dan memberikan pengalaman mobiliti yang dipertingkat untuk pelanggan serta kakitangan mereka.

SIRVA mempunyai portfolio yang terdiri daripada jenama-jenama terkenal dan diiktiraf termasuk [Allied](#), [northAmerican](#), [SMARTBOX](#) dan [Allied Pickfords](#). Untuk maklumat lanjut sila layari [www.sirva.com](http://www.sirva.com).

### **Maklumat Perhubungan Media**

Tammy Monroe +1.513.459.5699



Logo - <http://photos.prnewswire.com/prnh/20150213/175515LOGO>